

Anugerah pembakar semangat Mohd Ashran, Kim Chyi

MOHD ISKANDAR OTHMAN 11 July 2018

BUKIT MERTAJAM - Pemain hoki kebangsaan, Mohamad Ashran Hamsani dinobatkan sebagai Olahragawan terbaik dalam Polytechnic Sports Excellence Award 2017 (PolySEA) yang diadakan, baru-baru ini.

Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam itu berkata, anugerah yang diterima itu menjadi pembakar semangatnya untuk terus giat berlatih bagi persiapan temasya Sukan Asia di Indonesia yang akan disertainya bermula 18 Ogos hingga 2 September depan termasuk kejohanan Piala Dunia.

Anak ketujuh daripada lapan beradik itu berkata, beliau yang bermain di posisi tengah mula menyertai pasukan skuad hoki kebangsaan selepas berpindah ke PSA sejak beberapa tahun lalu.

"Sebelum ini saya bermain untuk pasukan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Perak dan dapat diserap ke skuad hoki kebangsaan ketika menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan awam di PSA.

"Peluang ini tidak akan disia-sikan dan berjanji akan berusaha sebaik baik dengan pasukan bagi memberi permainan yang terbaik di samping dapat menjulang nama negara serta politeknik ke persada dunia," katanya ketika ditemui media dalam majlis penyampaian anugerah PolySEA yang disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti, Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz di Politeknik Seberang Perai, baru-baru ini.



Anugerah turut diberikan kepada politeknik yang cemerlang dalam bidang sukan.

Sementara itu, pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Teoh Kim Chyi, 21, pula dinobatkan sebagai Olahragawati PolySEA.

Kim Chyi yang menyertai sukan olahraga untuk acara lari jarak jauh 800 meter

dan 1,500 meter pula sedang fokus untuk menjalani latihan untuk memberi persembahan cemerlang pada Sukan Malaysia (Sukma) Perak dan Sukan Universiti Asean yang akan berlangsung di Myanmar, Disember tahun ini.

Anak kelahiran Kedah itu berkata, beliau juga mahu memperbaharui rekod yang lebih baik selepas berjaya memecahkan dua rekod catatan masanya ketika menyertai Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), baru-baru ini.




Kim Chyi (kiri) dan Mohamad Ashran menunjukkan anugerah yang diterima.

"Pada Sukma 2016, saya memperoleh pingat perak dalam acara yang disertai dan pada SUKIPT baru-baru ini, saya berjaya memecahkan dua rekod baharu yang mana ia memberi inspirasi untuk saya melakukan dengan lebih baik bagi Sukma serta Sukan Universiti Asean kali ini," katanya.

Kim Chyi dan Mohamad Ashran masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala dan sijil penghargaan.

Pada majlis itu, turut menganugerahkan pemain catur, Muhammad Farhan Shukry Jamil, 21 dari Politeknik Mersing, Johor sebagai atlet paralimpik terbaik yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500, piala dan sijil penghargaan.

Dalam majlis sama, 25 anugerah turut diberikan bagi mengiktiraf pencapaian jurulatih dan atlet serta kakitangan yang terbabit dalam pelbagai sukan.



Kesemua penerima anugerah PolySEA 2017 bergambar bersama.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)